

Penyiasat AS tumpu pada Goldman Sachs transaksi berkait 1MDB
Free Malaysia Today
Jun 7, 2016

Penyiasat AS percaya Goldman Sachs mempunyai asas untuk merumuskan yang wang tersebut tidak digunakan untuk tujuan asal.

NEW YORK: Pihak berkuasa Amerika Syarikat sedang cuba mengenal pasti sama ada Goldman Sachs Group Inc melakukan kesalahan atas keagalannya melaporkan sebuah transaksi di Malaysia, lapor The Wall Street Journal yang memetik sumber yang dekat dengan siasatan tersebut.

Siasatan tertumpu pada AS\$3 bilion oleh Goldman Sachs melalui pengeluaran bon kepada syarikat milik kerajaan 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Penyiasat cuba memastikan sama ada bank mematuhi Akta Rahsia Perbankan, akta utama di AS yang mengawal perubahan wang.

Laporan itu berkata separuh daripada hasil jualan itu, yang dipindahkan Goldman Sachs ke sebuah akaun bank di Switzerland milik 1MDB, hilang manakala sebahagiannya disimpan dalam akaun milik perdana menteri Malaysia.

Penyiasat percaya Goldman Sachs mempunyai asas untuk merumuskan yang wang tersebut tidak digunakan untuk tujuan asal, kata laporan itu.

WSJ juga melaporkan bank tersebut tidak dituduh melakukan kesalahan.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/07/penyiasat-as-tumpu-pada-goldman-sachs-transaksi-berkait-1mdb/>